

Headline	Berselindung sebalik khidmat refluksologi		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	19 Jan 2012	Color	Black/white
Section	News	Circulation	289,315
Page No	2	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	92 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 906
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,718



## Berselindung sebalik khidmat refluksologi

**J**OHOR BAHRU: Berselindung di sebalik perkhidmatan urutan refluksologi, lima wanita warga asing yang turut menawarkan perkhidmatan seks ditahan selepas polis Bahagian Maksiat, Kongsi Gelap dan Perjudian (D7) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Johor Bahru Selatan (JBS) menyerbu sebuah pusat refluksologi di Jalan Sutura, Taman Sentosa, di sini.

Dalam serbuan pada jam 10 malam, Isnin lalu, polis menghadapi kesukaran kerana pemilik premis memasang pintu automatik bagi membolehkan hanya pelanggan tetap atau dikenali saja dibenarkan masuk.

Bagaimanapun, premis itu berjaya dibolosi sejurus penjaganya menekan kod nombor bagi membolehkan pintu di-

buka ketika seorang pelanggan keluar.

Pemeriksaan di dalam premis menemui lima wanita warga China berusia 20-an hingga 30-an yang berkerja sebagai tukang urut serta menyediakan khidmat seks kepada pelanggan.

Tiga lelaki berusia lingkungan 20-an hingga 40-an, dipercayai pelanggan yang berada di dalam premis ketika serbuan turut ditahan bagi membantu siasatan.

Jurucakap polis berkata, siasatan mendapati kumpulan wanita terbabit mengenakan RM380 untuk perkhidmatan urutan refluksologi serta seks bagi khidmat selama sejam.

Semua wanita itu ditahan mengikut Seksyen 372 (B) Kanun Keseksaan kerana menawarkan khidmat untuk tujuan persundalan.